

Elak bangkit sentimen perkauman: PM

BH 24 SEP 2000

Oleh MUTAZAR ABD GHANI dan RIDZUAN YOP

GEORGETOWN: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan semua pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) tidak membenarkan diri mereka dipengaruhi sentimen perkauman keterlaluan yang boleh memusnahkan negara.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, mereka perlu mengambil kira kepentingan dan sensitiviti kaum lain, dengan tidak membuat tuntutan bukan-bukan dan keterlaluan untuk kaum mereka saja.

"Di Malaysia, tidak akan ada mana-mana kaum yang akan mendapat semua yang mereka tuntut dan pada masa sama setiap kaum terpaksa berkorban sedikit sebanyak daripada hak mereka.

"Tidak ada orang akan mendapat semua yang dia fikir haknya, tidak ada orang yang akan hilang semua yang dia juga ada hak. Tetapi, malangnya kita berkemungkinan besar akan kehilangan semuanya.

"Ini akan berlaku apabila kita membuat permintaan tidak munasabah dalam tuntutan kita, bermusuhan antara satu sama lain dan akhir sekali menjurus kepada keganasan. Apabila kita melakukan perkara itu, seluruh negara akan musnah dan tiada apa yang tinggal untuk kita.

"Hakikat ini mesti diingat parti komponen BN. Sementara kita, (pemimpin komponen BN) yang mewakili kaum tertentu mempertahankan hak dan kepentingan kaum, kita juga harus mengambil kira kepentingan dan sensitiviti kaum lain.

"Kita tidak mahu rakyat dan negara kita binasa kerana kesilapan, kekejaman dan kejahilan kita sendiri," katanya merasmikan Persidangan Perwakilan Ke-29 Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan) di Hotel Equatorial, Bayan Lepas, dekat sini, semalam.

Turut hadir, Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik. Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN), Tan Sri Mohamed Rahmat dan pemimpin komponen parti BN.

Dr Mahathir menegur pihak tertentu yang membangkit dan membahaskan perasaan tidak

puas hati terhadap perkara tertentu secara terbuka kerana dikhuatiri ia (perasaan) tidak dapat dikawal, sekali gus mencetuskan rusuhan antara kaum.

Katanya, di kalangan negara berbilang kaum di dunia, tidak banyak yang aman kerana perbezaan pendapat antara kaum selalunya menyebabkan berlaku rusuhan, yang kadangkala tidak menemui jalan penyelesaian.

Sebaliknya di Malaysia, beliau berkata, walaupun ada tiga kaum utama dan hampir 30 suku kaum, rusuhan kaum hanya berlaku sekali pada 1969.

"Kita harus berbangga dan bersyukur dengan keadaan harmoni ini. Janganlah sesiapa tidak sensitif dan mengungkit mengenai kepentingan mereka sehingga keamanan negara terancam, retak dan hancur," katanya yang turut mengingatkan rakyat sentiasa berwaspada supaya peristiwa seperti rampakan senjata di kern tentera di Perak tidak berulang.

Perdana Menteri turut menyarankan penguasaan perumahan dan bandar baru supaya menentukan semua kaum akan tinggal serta berniaga bersama di kawasan berkenaan.

Katanya, adalah amat tidak sihat jika masing-masing kaum mempunyai perumahan berasingan. Lebih tidak sihat apabila satu kaum tinggal di rumah mewah manakala kaum lain tinggal di rumah murah atau setinggalan.

"Agihan rumah dan kedai mesti dibuat secara adil. Kerajaan sedang berusaha supaya matlamat ini akan tercapai melalui projek Usahawan Bumiputera Dalam Bidang Peruncitan (Prosfer)," katanya.

Beliau mahu semua kaum berada bersama daripada peringkat pra sekolah, sehinggalah ketika memasuki universiti serta berada di luar negara.

"Di luar negara misalnya, ada penuntut yang dihantar ke sana bukan saja tidak bercampur dengan orang tempatan atau penuntut Malaysia daripada kaum lain, malah mereka tinggal dengan penuntut dari negeri yang sama. - -

"Orang Kelantan tinggal dengan orang Kelantan, orang Kedah tinggal dengan orang Kedah dan seterusnya," katanya sambil menegaskan kerajaan tidak berhasrat menghapuskan sekolah jenis kebangsaan, sesuatu yang istimewa di Malaysia.